

METODE LATIHAN RASULULLAH BAGI PENINGKATAN PRESTASI KERJA GURU TERHADAP KAEDAH PENGAJARAN DAN PEMBELAJARAN YANG BERKESAN

Zety Azlin Binti Elias

zety.azlin@yahoo.com

Ahmad Marzuki Bin Mohamad, Dr.

amarzuki@utm.my

Mohd Nasir Bin Ripin, Dr.

nasiripin@utm.my

Suhana binti Abdul Hamid

hanasahna223@gmail.com

Fakulti Tamadun Islam
Universiti Teknologi Malaysia

ABSTRAK

Kajian ini dijalankan untuk memberi panduan kepada guru bagaimana kaedah atau metode pengajaran dan pembelajaran yang telah dilaksanakan oleh Rasulullah S.A.W ketika menyampaikan ilmu kepada pelajar. Seorang guru yang cemerlang adalah mereka yang menggabungjalinkan pelbagai kaedah pembelajaran dengan tujuan ilmu itu sampai kepada pelajar disamping ia boleh menarik minat pelajar untuk mendapatkan ilmu tersebut disamping mengamalkannya. Latihan yang pernah diterima oleh guru sebelum atau sewaktu mengajar juga merupakan faktor yang boleh dilihat keberkesananannya jika ia diamalkan dan dilaksanakan sebagaimana yang disarankan. Objektif yang ingin dicapai di dalam kajian ini adalah untuk mengkaji apakah elemen latihan yang dilaksanakan oleh guru dalam PdP dapat dicapai dan berkesan. Disamping itu juga untuk mengenalpasti adakah gabungan elemen latihan dengan metode latihan yang diamalkan oleh Rasulullah akan menghasilkan peningkatan prestasi kerja guru. Kaedah analisis adalah menggunakan soal selidik dalam kalangan guru penolong kanan akademik yang terdiri dari 166 orang responden yang mewakili Guru Sekolah Agama Kerajaan Johor. Analisis data terkumpul pula dinilai menggunakan perisian SPSS (Statistical Package for Social Scicencies) versi 23. Disamping itu juga, kajian ini akan mengemukakan cadangan yang boleh dijadikan panduan untuk penambahbaik kepada sistem pendidikan terkini.

Kata Kunci : Metode Pengajaran dan Pembelajaran Rasulullah, Latihan Guru, Prestasi Kerja Guru

1.0 PENGENALAN

Dalam bidang pendidikan, metode harus diwujudkan bagi mengembangkan sikap, mental dan keperibadian pelajar agar ilmu mudah diterima dengan mudah, efektif dan dapat dicerna dengan baik (Sabab, 2011;al-Nahl 16: 64). Rasulullah SAW sebagai contoh terulung juga menitikberatkan tentang kepentingan metode latihan dalam kalangan guru sewaktu menyampaikan ilmu dan pengaplikasiannya di dalam bilik darjah dan di mana-mana tempat menuntut ilmu. Latihan yang pernah diterima akan membawa kebaikan kepada guru itu sendiri seterusnya membawa kebaikan juga kepada pelajar yang menerimanya. Salah satu faktor yang penting dalam sistem pendidikan adalah metode pendidikan yang digunakan oleh seorang pendidik dalam menyampaikan ilmu pengetahuan kepada anak didiknya (Rd.Tatan, 2016). Oleh sebab itu, metode pendidikan boleh dikaitkan dengan latihan di dalam konteks pendidikan dengan melakukannya dengan cermat, disesuaikan dengan situasi pembelajaran sehingga dapat menghasilkan hasil pendidikan yang memuaskan (Anwar, 2003). Sesuatu proses PdP, seorang guru terkadang harus menerapkan sesebuah metode mengikut situasi dan keadaan tertentu kerana dan ia dianggap sebagai kolaborasi (gabungan) kepada PdP yang lebih berkesan. Ia bertujuan agar aktiviti PdP dijalankan dengan penuh tanggungjawab, memiliki cara yang baik dan tujuan tertentu dan untuk mencapai tujuan yang efektif (Anwar, 2003). Namun begitu, seorang guru itu mestilah berpegang teguh kepada prinsip-prinsip PdP yang sedia ada agar ia tidak menyimpang jauh dari tujuan yang asal. Dalam menyampaikan metode PdP, Rasulullah SAW berjaya melahirkan generasi yng memiliki kecerdasan fikiran, kecerdasan fizikal, kecerdasan emosi dan kecerdasan spiritual (Rd.Tatan, 2016). Oleh itu, metode PdP yang dilaksanakan oleh Rasulullah SAW bolehlah dikaitkan dengan latihan yang pernah diterima

oleh guru sewaktu melaksanakan PdP di dalam bilik darjah kerana ia adalah salah satu cara meningkatkan prestasi guru dalam tugas mereka menyampaikan ilmu penegetahuan.

2.0 PERNYATAAN MASALAH

Sebagaimana yang diketahui umum, terdapat juga dalam kalangan guru yang hanya melaksanakan tugas menyampaikan ilmu dengan istilah 'ala kadar' agar sukatan pelajaran yang diberikan dapat diselesaikan mengikut tempoh yang ditetapkan. Ini menyebabkan ada kalangan guru yang kurang inovatif dan kreatif sewaktu menjalankan tugas. Terdapat guru yang kurang berusaha menjana kecemerlangan minda dan hanya meneruskan corak PdP sedia ada tanpa ada usaha untuk menguasai ilmu sepenuhnya terutama yang berkaitan dengan agama serta kaedah atau teknik di dalam proses PdP (Zaharah & Ab.Halim, 2007; Nor Fadhlina, 2014). Ada guru yang masih lagi cenderung menggunakan kaedah kuliah dan syarahan dalam cara pengajarannya (Jasmi Amin *et. al*, 2009; Nor Fadhlina, 2014). Kaedah *chalk and talk* menyebabkan sesi PdP kelihatan lesu dan hambar (Azhar dan Nurul, 2004). Ini menyebabkan pelajar kurang melibatkan diri dan pasif kerana hanya mendengar penerangan dan syarahan guru sahaja (Norshidah *et.al*, 2009; Nor Fadhlina, 2014; *al-Anbiya'*21:10). Ia berdasarkan kajian yang dijalankan oleh Abd.Rahim (2011), mengatakan sesuatu kaedah pengajaran akan mencorakan perkembangan minda, emosi, sikap dan nilai para pelajar apabila guru menjadi kreatif dan inovatif, daya kreativiti yang tinggi dalam PdP. Ia juga selari dengan keinginan menjayakan *Smart School* yang digubal oleh Kementerian Pelajaran Malaysia (2013) untuk menjadi pemangkin kepada perubahan dalam pendidikan dan memperkasakan murid sebagaimana kenyataan dari *Smart School Task Force* yang menyatakan “ *Smart School is a learning institution that has been systematically reinvented in terms of teaching and learning practices and school management in order to prepare children for the information age*”. Berdasarkan kepada kajian permasalahan tersebut, pihak yang bertanggungjawab perlu memikirkan kaedah yang sesuai untuk melahirkan guru yang kreatif dan inovatif berdasarkan kecenderungan guru tersebut.

Selain daripada itu, sebagaimana kajian yang dijalankan oleh Othman dan Lukman (2007) menyatakan bahawa kebanyakan guru yang mengajar pelajaran agama masih terikat dengan kaedah pengajaran tradisi dan kurang mempunyai kemahiran dan keupayaan dalam mengintegrasikan teknologi maklumat dalam PdP yang dijalankan terutama mata pelajaran agama. Keadaan ini menunjukkan latihan yang pernah diperolehi oleh guru kurang berperanan dalam penambahbaik keupayaan guru terutama dalam PdP (Siti dan Ahmad, 2016). Sedangkan terdapat pelbagai kaedah yang boleh digabungjalin dalam menyampaikan ilmu kepada pelajar. Pendedahan tentang metode PdP Rasulullah S.A.W adalah antara yang boleh dijadikan contoh dan panduan kepada guru. Latihan yang berkesan perlu diperbaiki agar kesedaran guru terhadap penambahbaik prestasi kerja dan teknik PdP berkesan dapat dipertingkatkan.

3.0 SOROTAN LITERATUR

Sebagai seorang guru yang terlatih, kepelbagaian kaedah PdP yang diperlukan agar sesi pengajaran dalam bilik darjah menarik dan berkesan. Menurut Bagheri dan Khosravi, (2006) dan Abderrahman Hassi (2012), menyatakan bahawa latihan dari segi Islam, melibatkan tindakan dan tidak hanya secara kognitif, tetapi adalah secara praktikal bagi membangunkan keupayaan mereka. Seorang guru juga perlu mempunyai kebijaksanaan praktikal dan bukan sekadar mengetahui teori sahaja supaya ia menghasilkan PdP yang maksimum dan bermanfaat.

Antara metode latihan yang diamalkan oleh Rasulullah S.A.W adalah seperti :

3.1 Metode Bil Hikmah, Mauizah Hasanah

Rasulullah berdakwah atau menyampaikan ilmu sebagaimana yang diperintahkan oleh Allah SWT di dalam al-Quran Surah *al-Nabl 16: 125* yang bermaksud :

“ Serulah ke jalan Tuhanmu (wahai Muhamad) dengan hikmat kebijaksanaan dan nasihat pengajaran yang baik, dan berbahaslah dengan mereka (yang engkau serukan itu) dengan cara yang lebih baik, sesungguhnya Tuhanmu Dialah jua yang lebih mengetahui akan orang yang sesat dari jalanNya, dan Dialah jua yang lebih mengetahui akan orang-orang yang mendapat hidayah petunjuk”.

Ayat tersebut merupakan gambaran tentang metode menyampaikan ajaran Allah kepada manusia yang berbeza sifat, tabiat dan pembawaannya. Oleh sebab itu, Rasulullah sendiri sebelum menyampaikan sesuatu baginda akan menilai terlebih dahulu tingkat kecerdasan setiap orang, melihat situasi dan siapa yang akan belajar dengannya. Oleh itu, metode ini sangat sesuai untuk digunakan oleh guru sewaktu menyampaikan pelajaran, iaitu dengan mengetahui latar belakang pelajar agar mereka dapat menerima ilmu tersebut serta mudah memahaminya. (Shahih Muslim No.568).

3.2 Mempersiapkan Pelajar Untuk Menerima Ilmu Yang Diberikan

Selain daripada itu, Rasulullah SAW juga menggunakan metode yang berkesan dengan pelajar iaitu Rasulullah SAW meminta pelajar untuk diam dan menyemak penjelasan guru. Ia digunakan apabila Rasulullah memulakan sesi menyampaikan pelajaran. Sebagai contoh hadis dari Jarir bin Abdullah Al Bajali bahawa Nabi Muhamad SAW bersabda ketika haji wada' iaitu :

“Diamkanlah orang-orang! Beliau bersabda “ Setelah aku wafat, janganlah kalian kembali kufur sehingga sebahagian kalian menyerang sebahagian yang lain”.

Secara tidak langsung, teknik ini baik untuk menarik perhatian pelajar kerana hakikatnya manusia tidak suka kepada kata-kata yang bernada perintah.

3.3 Adanya Interaksi Pendengaran dan Pandangan Yang Baik Antara Guru Dengan Pelajar

Di dalam metode ini, sifat Rasulullah SAW mengajar adalah jelas dalam bicarannya, sederhana dalam ungkapannya serta menyesuaikan dengan kemampuan pelajarannya. Ia adalah seperti :

a) Bicarannya tertib dan sistematik

Dari Aisyah r.a dia berkata, bahawa perbincangan Rasulullah SAW adalah jelas (sistematik) dapat difahami orang yang mendengarnya (Hadis Riwayat Abu Dawud dan Baihaqi).

“ Kata-kata Rasulullah SAW itu bagus (tertib), atau jelas (perlahan-lahan)”. Aisyah berkata lagi, “ Adalah Rasulullah SAW, ketika berbicara tidak seperti bicaramu, bicara beliau sistematik, jelas dan dapat difahami oleh sesiapa pun yang mendengarnya”.

b) Berbicara sesuai dengan kemampuan pelajar

“ Dari Aisyah r.a, Rasulullah SAW memerintahkan kepada kita agar kita menempatkan manusia pada posisinya”. (Hadis Riwayat Muslim dan Abu Dawud: 4842)

Hadis ini memerintahkan kepada kita agar menempatkan manusia pada kedudukannya. Oleh itu, seorang guru hendaklah menggunakan bahasa yang sesuai untuk pelajar menerimanya. Komunikasi antara guru dan murid adalah sangat penting dalam menghasilkan PdP yang berkesan dan ia mewujudkan aspek pedagogi yang sangat berkesan (Noraida dan Rabiatul, 2013).

c) Sering diulang-ulang

Hadis dari Anas bin Malik tentang kata-kata Rasulullah SAW sering diulang-ulang ialah :

“ Dari Anas bin Malik berkata , bahawa sesungguhnya Rasulullah SAW jika bersabda beliau akan mengulang sehingga tiga kali supaya boleh difahami, dan apabila datang kepada sesuatu kelompok manusia beliau akan memberi salam kepada mereka sebanyak tiga kali” (Hadis Riwayat Bukhari : 95; al-Fussilat 41: 33).

Hadis ini bermaksud, apabila seorang guru menyampaikan sesuatu ilmu itu, hendaklah ia mengulanginya sebanyak tiga kali supaya ia lebih difahami oleh pelajar. Contohnya ketika sesi pembelajaran Tilawah Al-Quran, guru hendaklah membaca bersama-sama pelajar sebanyak tiga kali supaya pelajar lebih faham dan jelas tentang kaedah pembacaannya.

3.4 Menggunakan bahasa yang digunakan oleh pelajarnya

Kaedah ini bermaksud bahawa Rasulullah sebagai seorang guru akan berbicara di hadapan muridnya dengan gaya bahasa yang boleh difahami oleh lawan bicaranya iaitu pelajar. Ini menunjukkan, seorang guru perlu menggunakan bahasa yang mudah difahami oleh pelajar, sebagaimana bahasa yang digunakan oleh pelajar itu juga supaya penyampaiannya akan terus sampai kepada pelajar bagi mengelakkan kekeliruan (*al-Waqiah* 56: 35-37).

3.5 Menggunakan Metode Praktikal Dalam Mengajar

Bagi mendapatkan hasil pembelajaran yang baik, seorang guru hendaklah menggabungkan metode yang sedia ada seperti berceramah dengan metode praktikal. Apabila ia digabungkan, ia akan memperkukuhkan ingatan pelajar terhadap pelajarannya. Metode ini boleh dilakukan oleh guru atau pelajar. Contohnya bagi matapelajaran amali solat, jika guru hanya mengajar dengan memberikan ceramah sahaja, sudah tentu pelajar tidak mengetahui kaedah solat yang betul. Tetapi sekiranya ianya disebut dan dilakukan sekali cara-caranya ia lebih jelas dan difahami oleh pelajar. Cara seperti ini adalah lebih mudah dan praktikal untuk murid.

3.6 Menggunakan Teknik Perbincangan dan Penjelasan Yang Mudah

Tahap akal dan kecerdasan pelajar adalah berbeza-beza dalam memahami dan menjawab sesuatu persoalan. Ada diantara mereka tidak berpuashati hanya dengan mendengar sesuatu penjelasan atau dalil tetapi mencari hikmah disebalik dalil tersebut. Jadi kaedah perbincangan bagi sesuatu tajuk yang diajar adalah lebih mudah diterima di mana semua yang terlibat bebas untuk memberi pendapat, mengeluarkan hujah, mencari solusi dan sebagainya. Sikap inilah yang ditunjukkan oleh Rasulullah SAW sewaktu menyampaikan sesuatu ilmu. (Shahih Muslim No. 4621; Shahih Muslim No. 4768).

3.7 Metode Pendekatan Perumpamaan

Perumpamaan (*tamsil*) adalah cara yang tepat untuk lebih menggambarkan, menjelaskan dan mendekatkan hakikat masalah tertentu di hati pelajar yang menerima pelajaran. Ia adalah seperti perumpamaan tentang sesuatu agar ia boleh difahami oleh pelajar. Contohnya hadis nabi yang diriwayatkan oleh Ibn Majah : 1154 sebagaimana berikut :

Dari Usman r.a : Rasulullah SAW bersabda, “ Bagaimana pendapatmu anndaikata di halaman depan rumah salah seorang di antara kalian ada sebuah sungai mengalir? Dia mandi di situ setiap lima kali sehari, maka tidaklah akan tersisa di tubuhnya kotoran? Dia (seseorang) berkata, ‘ Tidak akan ada

sedikit pun yang tersisa (kotoran dibadannya)'. Kemudian, baginda bersabda, “ Sesungguhnya solat itu menghapus dosa sebagaimana air menghapus kotoran”.

Ia bermaksud Rasulullah SAW hendak menerangkan tentang analogi tentang sesuatu perkara, jadi beliau menggunakan perumpamaan sedemikian agar ianya lebih difahami. Oleh itu, seorang guru perlulah kreatif untuk menyampaikan sesuatu ilmu dengan pelbagai kaedah agar ilmu itu sampai kepada pelajar dengan cara yang mudah dan santai serta boleh difahami.

Oleh itu, latihan yang telah diberikan bertujuan untuk meningkatkan kompetensi, daya saing, produktiviti, kejujuran serta ikhlas dalam bekerja (*al-Fussilat 41: 53*). Selain daripada itu, latihan yang dirancang diharapkan dapat meningkatkan tahap profesionalisme warga guru serta jati diri yang mantap. Kaitannya dengan kaedah pengajaran dan pembelajaran yang dilakukan oleh guru, latihan yang diterima dianggap sebagai elemen penting untuk meningkatkan kualiti PdP guru. Pendedahan guru kepada program latihan sangat bersesuaian dengan aspirasi negara dalam memperkasakan modal insan bagi melengkapkan mereka dengan kemahiran dan pengetahuan untuk menjadikan guna tenaga yang produktif. Sehubungan dengan itu, metode PdP yang dicontohkan oleh Rasulullah S.A.W itu perlu diambil kira dan dipraktikkan agar ilmu sedia ada guru akan menjadi lebih mantap dan berkesan sebagaimana yang diharapkan.

4.0 OBJEKTIF DAN PERSOALAN KAJIAN

Objektif kajian ini adalah untuk:

1. Mengkaji elemen latihan yang dilaksanakan oleh guru dalam PdP dapat dicapai dan berkesan.
2. Mengenalpasti gabungan elemen latihan dengan metode latihan yang diamalkan oleh Rasulullah akan menghasilkan peningkatan prestasi kerja guru.

Persoalan-persoalan kajian adalah berdasarkan objektif kajian sebagaimana berikut :

- i) Adakah elemen latihan yang dilaksanakan oleh guru dalam PdP dapat dicapai dan berkesan
- ii) Apakah adakah gabungan elemen latihan dengan metode latihan yang diamalkan oleh Rasulullah S.A.W akan menghasilkan peningkatan prestasi kerja guru

5.0 ANALISIS DATA

Kajian ini menggunakan kaedah kuantitatif iaitu mengaplikasikan soal selidik yang diedarkan kepada responden yang terdiri dari guru akademik. Ia menggunakan instrumen soal selidik sebagai cara mendapatkan data bagi penganalisan data yang tepat untuk membolehkan responden memberikan penilaian secara serentak terhadap latihan dalam Islam dan hubungannya dengan prestasi kerja guru. Mohd Najib (2007) dan Suhana (2016), menyatakan soal selidik selalu digunakan untuk mengetahui sikap seseorang dengan menggunakan soal selidik yang yang dibina berdasarkan persoalan kajian yang dijalankan. Instrumen soal selidik lebih mudah digunakan dan diuruskan kerana menjimatkan masa bagi sesebuah penyelidikan (Mohd Najib, 2007), manakala maklumat yang diperolehi dapat menyatakan hal sebenar perkaitan sesuatu perkara dengan sesuatu komuniti melalui konteks yang ditentukan (Ahmad, 2013; Suhana, 2017). Melalui kajian ini, pengkaji membina soal selidik berdasarkan kerangka latihan dalam Islam, ayat-ayat al-Quran dan sunnah tentang latihan, pandangan ulama dan Ibn Khaldun (1960) untuk menilai konsep latihan dalam Islam, serta soal selidik *Organizational Commitment Questionnaire* (OQC) oleh Elangovan dan Karakowsky (1999) bagi mengetahui prestasi kerja guru di sekolah.

6.0 KESIMPULAN DAN CADANGAN

Berdasarkan kepada perbincangan yang telah digariskan dalam sebahagian daripada kajian ini, metode latihan yang diamalkan oleh Rasulullah S.A.W dalam pengajaran dan pembelajaran adalah wajar dijadikan panduan sebagai penambahbaik kaedah sedia ada yang telah dipelajari oleh guru. Kebanyakan guru ada kalanya tidak cuba untuk mengubah kaedah PdP yang dilaksanakan mereka kerana menganggap ia telah cukup berkesan sedangkan perkembangan kaedah pendidikan sangat pesat perubahannya ditambah pula dengan teknologi terkini yang sangat maju berbanding dahulu. Namun begitu, metode latihan yang ditunjukkan oleh Rasulullah S.A.W ini adalah asas kepada contoh kaedah PdP cemerlang. Sebagai contoh, seorang guru perlu mengenalpasti latarbelakang pelajar yang akan diajarnya, samada pelajar tersebut mudah menerima sesuatu ilmu atau sebaliknya. Ini adalah kerana tahap pemikiran pelajar berbeza-beza dalam kalangan mereka. Ada yang cekap dan nada juga yang lemah. Disamping itu juga, contoh kaedah Rasulullah S.A.W adalah menggunakan bahasa yang mudah difahami oleh pelajar. Ini jelas menunjukkan bahawa, cara guru menyampaikan ilmu, bercakap, menegur dan membetulkan sesuatu keadaan itu juga perlu kerana tidak semua pelajar boleh menggunakan kaedah yang sama. Ada pelajar yang merasa takut atau tidak biasa dengan nada suara yang tinggi, namun ada yang memang telah terbiasa begitu. Di sini kerativiti guru perlu dipertingkatkan supaya sesi pembelajaran itu menarik dan menyenangkan. Kesimpulannya, walaupun terdapat teknologi dan kaedah PdP yang terkini, namun metode PdP Rasulullah S.A.W wajar diberi perhatian agar kemenjadian dalam menyampaikan ilmu akan tercapai dan berkesan.

RUJUKAN

- Abderrahman Hassi (2012). Islamic Perspectives On Training And Professional Development, Journal of Management Development, Vol. 31 Issue: 10, pp 1035-1045
- Ahmad Marzuki bin Mohamad (2013). Amalan Kepimpinan Islam Pengetua dan Perkaitannya Terhadap Atribut Komuniti Pembelajaran Profesional. Tesis Doktor Falsafah (Pengurusan dan Pentadbiran), Universiti Teknologi Malaysia.
- Abdul Rahim Hamdan (2011). Falsafah dan Pemikiran Pendidikan. Penerbit UTM Press. Azhar Bin Muhamad & Nurul Huda Binti Abdul Wahab (2004). Aplikasi ICT Dalam Pengajaran Pendidikan Islam Semasa Latihan Mengajar. Tesis Sarjana, Fakulti Pendidikan, Universiti Teknologi Malaysia.
- Dr. Rd. Tatan Jaka Tresnajaya (2016), Metod Pendidikan, Pembelajaran dan Pelatihan Nabi Muhamad, Badan Pendidikan dan Pelatihan Keuangan Kementerian Keuangan, Politeknik Keuangan Negara, Yogyakarta.
- Mohamad Najib Abdul Ghafar (2007). Intervensi Pembangunan Organisasi Pendidikan. Skudai: Penerbit Universiti Teknologi Malaysia.
- Noraida Yaakob dan Rabiatul Adawiyah Ahmad Rashid (2013). Pedagogi Berasaskan Pembelajaran Aktif dalam Amalan Pedagogi Rasulullah SAW. Prosiding Seminar Kebangsaan Majlis Dekan Pendidikan IPTA, Universiti Islam Antarabangsa.
- Norshidah Mohamad Salleh, Siti Zubaidah Ingsa dan Suryatee Abd Rashid (2009). Pendekatan Pembelajaran Koperatif dalam Matapelajaran Pendidikan Islam. Zamri Mahamod, Kamarulzaman Abd.Ghani, Harun Baharuddin, Ab. Halim Tamuri, Nik Mohd Rahimi, Mohd Aderi Che Noh (pmyt) dalam Prosiding Wacana Pendidikan Islam Siri Ke-7 (Peringkat Nusantara), Halatuju Pendidikan Islam dan Bahasa Arab di Nusantara, Fakulti Pendidikan, Universiti Kebangsaan Malaysia: hlm. 265-275.
- Noor Fadhlina Nawawi (2014). Hubungan Antara Pengajaran dan Pembelajaran Keperibadian dan Kemhairan Guru Pendidikan Islam Dengan Motivasi Pelajar. Tesis Sarjana Muda Pendidikan. Universiti Teknologi Malaysia. tidak diterbitkan.
- Suhana Abdul Hamid, Ahmad Marzuki, Aimi Anuar, Zety Azlin Elias, Nur 'Izza Norman, Mohd Hidris Shahri (2016). Analisis Korelasi Antara Elemen Amalan Syura Dengan Peningkatan Komitmen Kerja Guru Sebagai Wadah Kepimpinan Organisasi Pendidikan Yang Mapan. Kertas Kerja Seminar Persidangan Kebangsaan Isu-isu Pendidikan Islam (ISPEN-I 2016) bertarikh 21-22 Mei 2016: Universiti Malaya: Auditorium Fakulti Pendidikan.

Zaharah Hussin dan Ab. Halim Tamuri (2007). Terhadap Ilmu dan Strategi Mendidik Akhlak Pelajar di Sekolah: Kedah Memperkasakan Falsafah Pendidikan Kebangsaan. Prosiding Seminar Kebangsaan Isu-Isu Pendidikan Negara Ketiga: Dasar Pelaksanaan Ke Arah Pengukuhan ala Tuju Dasar Pendidikan Negara. Fakulti Pendidikan, Universiti Kebangsaan Malaysia.hlm.325-334.